



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUSAT ISLAM
المركز الإسلامي
ISLAMIC CENTER

Transformasi Ke Arah
UNIVERSITI 4.0
INDUSTRI



Mengubah Idea Menjadi Realiti

PENASIHAT : Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat **EDITOR :** Noorisah Tajlid & Kartini Ismail
SIDANG PENGARANG : Noorisah Tajlid & Kartini Ismail **HEBAHAN & PUBLISITI :** Malik Hanafi Achmad Rof'ie



DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

SEMPENA LAWATAN PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
KE PUSAT ISLAM DAN MASJID UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
PADA 29 OKTOBER 2018M BERSAMAAN 20 SAFAR 1440H

Dinamik . Kelestarian . Integriti . Keadilan . Darjah Kegembiraan



IKTHILAT DALAM PEKERJAAN

Pekerjaan adalah suatu perbuatan yang mulia. Setiap hari kita keluar rumah untuk mencari kelangsungan hidup dengan melakukan apa sahaja pekerjaan semata-mata untuk mencari rezeki yang halal di bumi Allah SWT yang maha luas ini. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah Ayat 172 yang bermaksud;

“Hai orang-orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar kepada-NYA kamu menyembah”

Tidak kira apa jua jenis pekerjaan yang kita lakukan, kita akan dikelilingi oleh pelbagai lapisan dan golongan masyarakat. Hubungan dan interaksi yang berlaku di tempat kerja seringkali melibatkan golongan orang dewasa sama ada lelaki mahupun wanita yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia muda ataupun tua, berlainan pangkat dan juga berbeza status (bujang, berkahwin, janda, duda dan sebagainya). Dalam kesibukan suasana alam pekerjaan tanpa kita sedari, adakah kita ambil peduli terhadap ikhtilat atau pergaulan dalam pekerjaan. Sedarkah kita bahawa ajaran Islam telah mengariskan panduan dan hukum-hakam tentang adab-adab bergaul dan akhlak yang baik dalam apa jua status hubungan dengan rakan sekerja. Firman Allah SWT dalam surah Al-Hujurat Ayat 13 yang bermaksud;

“Wahai umat manusia! sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya orang yang paling mulia disisi Allah ialah orang yang paling takwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuan-NYA”

Pergaulan merupakan suatu fitrah bagi seorang manusia malah dalam ayat tersebut Allah SWT juga membenarkan kita untuk bergaul dan menjalankan aktiviti sosial sesama manusia. Namun, pergaulan tersebut haruslah diiringi dengan iman dan taqwa. Setiap pergaulan ada batasnya, aurat juga ada hadnya lebih-lebih lagi yang berlainan jantina, bujang atau berkahwin. Kerja tetap kerja namun syariat Allah perlu diletakkan di hadapan sekali, jangan terlalu ghairah dalam pekerjaan sehingga hukum Allah diketepikan. Umum mengetahui banyak kes keruntuhan rumahtangga berpunca daripada “perhubungan” ditempat kerja.

SAMBUNGAN....

Menurut laporan akhbar pada tahun 2004, yang telah dikeluarkan oleh Unit Kaunseling Pembangunan Wanita dan Masyarakat sebanyak 74% daripada penceraian yang berlaku berpunca daripada kehadiran orang ketiga yang mana 80% daripada orang ketiga tersebut adalah rakan sekerja. Kita sangat suka apabila ada rakan sekerja yang mengambil berat tentang diri kita. Mengurus keperluan ditempat kerja dan diberi layanan berupa *high class* hinggakan urusan peribadi, katanya urusan kerja dan akhirnya sudah tidak segan silu lagi bergurau senda, ke hulu ke hilir tanpa batasan sedangkan di antara mereka itu ada orang ketiga sedang bersorak keriang dan itulah iblis laknatullah. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 32 yang bermaksud;

“Dan janganlah kamu dekati zina kerana sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk”

Allah SWT juga berfirman dalam surah An-Nur ayat 30 yang bermaksud;

“Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka, yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah maha mengetahui tentang apa yang mereka kerjakan”

Jika ingin mencari keberkatan dalam pekerjaan banyak perkara yang perlu diambil kira, tidak kira sejauh mana seseorang tu sangat *punctual* dalam pekerjaan, sangat amanah, berintegriti malah setiap tahun mendapat anugerah cemerlang dalam jabatan namun, jika tidak menjaga ikhtilat adakah seseorang itu akan dipandang mulia disisi Allah SWT? Adakah kita sedar akan kemurkaan Allah SWT? Berpada-padalah dalam pergaulan tidak salah untuk bersosial, tidak salah berkasih sayang di antara rakan sekerja namun patuhilah syariat yang Allah SWT telah tetapkan. Hidup ini terlalu singkat, bila berbuat dosa dekatilah taubat. Apabila lemah dan tidak kuat yakinlah bahawa Allah SWT sentiasa dekat. Carilah keberkatan dan keredhan Allah SWT dalam pekerjaan, jika inginkan kebaikan maka kebaikan akan datang namun jika sebaliknya sentiasalah berusaha supaya menjadi yang lebih baik.



Disediakan Oleh;
Kartini Mail @ Ismail
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam

♥

PUISI

“CINTA FATAMORGANA”

♥♥

♥

Sesekali bisikan cinta itu datang
Membuai layu pada jiwa kesepian
Lantas bisikan lara si iblis
Mendayu dalam bujuk rayu
Antara yang bukan mahram

♥

♥

Waktu seharian kau habiskan
Bersama merenung kerja
Membuka ruang dan peluang
Cinta fatamorgana
Mencari masa sesingkat waktu
Mengadu domba asmara

♥♥

♥

Peneman waktu bersantapan
Bergurau senda saling berbalasan
Lama kelamaan
Teman berganti sayang
Sayang berganti rindu
Rindu bertukar cinta
Menjadi pasangan jadi-jadian

♥

♥

Tumpas
Rebah dalam pelukan
Mendua dan berpisah
Mainan cinta zaman sekarang
Awas usah terjebak
Kerana selangkah jua menapak
Tak bisa melangkah mundur...

♥



NOORJSAH TALJDD
PEG. HAL EHWAL JSLAM KANAN
PUSAT JSLAM UMS

♥

♥

♥

♥

AKTIVITI PIUMS MINGGU INI


BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
01	Lawatan Daripada Pusat Islam & Pembangunan Insan, UMP	29hb Oktober 2018	PIUMS
02	Mesyuarat Eksekutif PIUMS Bil.5/2018	30hb Oktober 2018	Bilik Mesyuarat PIUMS
03	Mesyuarat Pengurusan PIUMS Bil.5/2018	30hb Oktober 2018	Bilik Mesyuarat PIUMS
04	Kelas Mengaji Helwa	31hb Oktober 2018	Bilik Mesyuarat PIUMS
05	Halaqah Al-Quran PIUMS Bil.18/2018	2hb November 2018	Bilik Mesyuarat PIUMS

“*Ilmu* boleh memuliakan sesiapa sahaja hatta seorang hamba tetapi tidak semestinya *harta* kerana boleh jadi membawa kehinaan kepada pemiliknya”

Dipetik dari buku karya SS DS TGDZ berjudul “ Gelaran Ilmu”

KUTIPAN TABUNG MASJID UMS

KUTIPAN TABUNG AMANAH MASJID UMS
OKTOBER 2018



Jom Infak @ Masjid UMS

Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menghasilkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. dan (ingatlah), Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya. (al-Baqarah : 261)



Imbas di sini untuk menyumbang



Scan here to donate

Available on the App Store | GET IT ON Google Play

TABUNG AMANAH MASJID
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Dinamik . Kelestarian . Integriti . Keadilan . Darjah Kegembiraan

6 NASIHAT LUQMAN AL-HAKIM

- ♦ **JANGAN SYIRIK KEPADA ALLAH SWT**
- ♦ **BERBUAT BAIK KEPADA ORANG TUA**
- ♦ **SETIAP PERBUATAN ADA BALASANNYA**
- ♦ **MENGERJAKAN SOLAT DAN BERBUAT BAIK**
 - ♦ **JANGAN SOMBONG**
 - ♦ **BERAKHLAK MULIA**

HIKMAH OF THE DAY